



## KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

### ISU PEMANGGILAN BALIK PRODUK SALAD DI AUSTRALIA KERANA DICEMARI BAKTERIA *SALMONELLA*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan daripada laman sesawang *Food Standards Australia New Zealand (FSANZ)* bertarikh 5 Februari 2016 mengenai pemanggilan balik *batch* tertentu salad prabungkus jenama *Wash N Toss*, *Woolworths*, *Coles*, *Supa Salad* dan *Clear Film* keluaran *Tripod Farmers*, Australia yang mempunyai tarikh luput sehingga **14 Februari 2016** kerana dicemari bakteria *Salmonella*.

*Salmonella* adalah sejenis bakteria yang boleh mengakibatkan seseorang itu cirit-birit, demam dan sakit perut. Di samping itu loya, muntah, sakit kepala dan sakit otot mungkin berlaku.

*International Food Safety Authorities Network (INFOSAN)* di bawah *World Health Organization (WHO)* dan *Food and Agriculture Organization (FAO)* telah mengesahkan bahawa produk salad terlibat dalam isu ini **hanya dieksport ke Singapura, Hong Kong dan Thailand**. Mengikut INFOSAN, Jabatan Pertanian dan Sumber Air Australia telah mengenalpasti konsainan produk terbabit yang dieksport ke negara berkaitan dan telah mengambil tindakan kawalan. Di samping itu, Jabatan Pertanian Australia juga telah mengesahkan bahawa produk terlibat **tidak dieksport ke Malaysia**.

Sebagai langkah berjaga-jaga, berkuatkuasa mulai 7 Februari 2016, KKM telah mengenakan larangan import terhadap produk salad Australia yang terbabit di dalam isu ini.

Seksyen 13 Akta Makanan 1983 memperuntukkan mana-mana pihak yang terlibat mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan termasuk bakteria patogenik seperti *Salmonella* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, pengguna tidak perlu kluatir kerana KKM sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke atas isu-isu yang berhubung dengan keselamatan makanan bagi memastikan kesihatan orang ramai sentiasa terjamin. Sekiranya pengguna merasa ragu-ragu dengan status keselamatan makanan yang terdapat di pasaran tempatan, pengguna boleh membuat laporan kepada KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terdekat atau melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**8 Februari 2016**